

# Cetek: Pelabuhan LKIM Chendering dulu 150 bot, kini 30 bot sahaja

UM 10/05/23 M/S 29

**KUALA TERENGGANU:** Projek mendalamkan Pelabuhan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di Chendering di sini perlu disegerakan bagi memudahkan nelayan mendaratkan hasil tangkapan laut.

Aktiviti pendaratan ikan di pelabuhan tersebut yang beroperasi secara rasmi pada tahun 1986 semakin berkurangan berikutan paras air cetek akibat mendapan pasir.

Seorang nelayan, Tuan Wook Tuan Aris, 69, berkata, pelabuhan ini yang dapat menampung 800 buah bot laut dalam merupakan antara pusat pendaratan ikan terbesar di negeri ini.

Bagaimanapun, menurut beliau, sejak lebih 10 tahun lalu pelabuhan ini suram kerana paras air semakin cetek akibat mendapan pasir.

Katanya, sebelum ini lebih 150 buah bot laut dalam mendaratkan hasil tangkapan di pelabuhan itu pada setiap hari, berbanding cuma kira-kira 30 buah sahaja pada masa ini.

"Keadaan tersebut menyebabkan bot-bot nelayan itu terpaksa mendaratkan hasil tangkapan

mereka di Pelabuhan Pulau Kambing di sini dan Pelabuhan Tok Bali, Bachok, Kelantan," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Seorang lagi nelayan, Alias Mohamad, 61, berkata, kerja-kerja pengerukan di pelabuhan tersebut telah dijalankan sebanyak dua kali sebelum ini, namun kembali cetek dalam tempoh beberapa tahun selepas itu.

Menurutnya, pelabuhan tersebut sebelum ini meriah apabila beroperasi 24 jam pada setiap hari. "Jumlah pendaratan hasil tangkapan yang direkodkan di pelabuhan itu juga semakin berkurangan," ujarinya.

Pada 4 Mac lalu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu mengumumkan, Kerajaan Persekutuan meluluskan peruntukan sebanyak RM192 juta untuk menaik taraf pelabuhan LKIM di Chendering. Beliau berkata, peruntukan tersebut melibatkan kerja-kerja pengerukan mendapan pasir di pelabuhan itu bagi meningkatkan kembali kemasukan bot laut dalam.



**KEADAAN** paras air yang cetek di Pelabuhan LKIM di Chendering, Kuala Terengganu. - UTUSAN/PUQTRA HAIRRY ROSLI